

***Al-Ka'bah* Dipandang dari Sudut Kesenian Islam**

Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* telah berfirman di dalam Kitab Suci al-Qur'ān: (*Ja'ala Allāhu al-ka'bata al-bayta al-ḥarāma qiyāmā li al-nāsi wa al-shahrama' al-ḥarāma wa al-hadya wa al-qalā'id. Dhālika li ta'lamū anna Allāha ya'lamū mā fi al-samāwāti wa mā fi al-arḍi wa anna Allāha bi kulli shay'i 'alīm*). Artinya: "Allah telah menjadikan Kaabah *Baitullah al-ḥarām* demi untuk kemaslahatan manusia, begitu pula bulan yang terhormat – yakni Dhu al-Qa'idah, Dhu al-Hijjah, Muḥaram dan Rajab – tambahan lagi hadiah dan binatang-binatang yang telah diberi tanda (kalung) untuk disembelih. Yang demikian itu ialah supaya kamu ketahui bahawa sesungguhnya Allah itu mengetahui apa yang di langit dan apa yang di bumi dan sesungguhnya Allah itu mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Oleh: Dr. Mahmud Mustafa)

Tentu banyak di antara kita umat-umat Islam yang mengetahui Kaabah atau *al-Bayt al-ḥarām* dari beberapa-beberapa āyat al-Qur'ān, dari hadith-hadith Nabi, dari buku-buku sejarah Islam dan juga dari buku-buku cerita pengembaraan. Kita semua sudah mengetahui bahawa Kaabah *al-Sharīfah* itu adalah pada mulanya dibina oleh Nabi Ibrahim dengan dibantu oleh anaknya Ismail *'alayhimā al-salām* kira-kira 3500 tahun yang silam; kemudian pembinaan Kaabah itu diulangi beberapa kali hingga ke zaman Rasulullah (S.A.W). Pembinaan di zaman Rasulullah (S.A.W) itu adalah dilakukan oleh beberapa puak dari kabilah kaum Quraisy. Manakala pembinaannya sampai ke paras tempat terletaknya *Hajar al-Aswad* (batu hitam yang terletak di salah satu penjuru Kaabah), maka telah terjadi satu pertelingkahan di kalangan kabilah-kabilah Quraisy yang membina bangunan Kaabah itu. Masing-masing kabilah mahukan ketuanya meletakkan kembali *Hajar al-Aswad* itu ke tempat asalnya. Untuk menyelesaikan pertelingkahan tersebut maka berhimpunlah ketua-ketua kabilah itu mengadakan satu mesyuarat di dalam *Masjid al-Ḥarām*. Salah seorang daripada ketua kabilah Quraisy yang bernama Abu Umayyah Huzaifah bin al-Mughirah memberikan pendapatnya dengan berkata: "Jadikanlah perselisihan faham yang sedang berlaku di antara kamu itu

ada seorang hakim yang akan menghukumnya. Saya mengesyorkan barang siapa yang mula-mula masuk ke dalam *Masjid al-Ḥarām* ini melalui pintu Banī Shaybah, maka orang itulah yang akan dijadikan hakim untuk menghukum dan menyelesaikan persengketaan kita ini." Ketua-ketua kabilah yang lain bersetuju dengan pendapat dari Abu Umayyah itu.

Pada waktu tengah malam masuklah ketua-ketua kabilah Quraisy yang bertelingkah faham itu ke dalam *Masjid al-Ḥarām* untuk melihat siapa dia orang yang mula-mula masuk ke masjid itu pada waktu subuh. Sebelum fajar menyingsing kelihatanlah oleh mereka seorang laki-laki memasuki *Masjid al-Ḥarām* itu dengan melalui pintu Nabi² Shaybah. Laki-laki itu tidak lain daripada Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W); maka ketua-ketua kabilah Quraisy itu pun meminta kepada Baginda agar menjadi hakim untuk menyelesaikan pertelingkahan yang sedang mereka hadapi itu. Permintaan mereka itu diterima oleh Nabi (S.A.W).

Cara-cara Nabi menghukum

Baginda membentangkan sehelai kain di atas tanah, kemudian diambilnya *Hajar al-Aswad* itu dengan tangannya yang mulia dan diletakkan di tengah-tengah kain itu; setelah itu dimintanya

¹ Perkataan sebenarnya adalah *al-shahra*.


² Ejaan yang sebenarnya ialah Banī

empat orang daripada ketua-ketua kabilah Quraisy yang bertelingkah itu memegang pada empat bucu (penjuru) kain itu dan mengangkatnya bersama-sama ke sisi Kaabah. Setelah kain itu diletakkan semula ke tanah, maka *Hajar al-Aswad* itu pun diangkat oleh Nabi dengan tangannya dan diletakkannya semula ke tempat asalnya. Dengan cara hukuman yang telah dijalankan oleh Nabi itu, maka selesailah persengketaan ketua-ketua kabilah Quraisy itu di antara satu sama lain, kerana mereka sangat puas hati dengan cara hukuman yang dijalankan oleh Nabi (S.A.W) itu.

Hikmah *al-Ka'bah* dibina

Al-Ka'bah adalah sebagai kiblat seluruh kaum muslimin menghadapkan muka mereka paling kurang lima kali dalam sehari semalam pada waktu sembahyang. *al-Ka'bah* terletak di tengah-tengah Kota Suci Makkah di dalam *Masjid al-Harām*. Pada setiap tahun lebih dari satu *million* kaum muslimin dari seluruh dunia datang menziarahinya kerana menunaikan ibadah haji mereka; mereka terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan warna kulit tetapi terikat di dalam suatu ikatan persaudaraan di dalam Islam.

Al-Ka'bah lah yang mempersatukan rohani dan jasmani seluruh umat Islam dan memperikatkan tali persaudaraan mereka di antara satu sama lain. Dengan adanya Kaabah pada setiap tahun tidak kurang dari satu *million* orang-orang Islam datang berhimpun di Kota Suci Makkah di dalam keadaan yang serba sama: sama tujuan, dengan cara pakaian yang sama pula. Oleh itu dengan sendirinya perasaan kaum muslimin yang berada di seantero alam mencintai Kaabah dengan erti kata cinta yang sebenarnya dan menjaga kesucian dan kemuliaannya dengan cara yang bersungguh-sungguh setiap kerajaan yang memerintahkan dua tanah haram – Makkah dan Madinah – berusaha dengan lebih giat memperelok dan memperindahkannya



Satu di antara lukisan Kaabah yang diperbuat daripada tembikar

warna warni yang telah dilukis oleh seorang pelukis

di abad yang kedelapan belas Masihi.

binaan Kaabah dengan bermacam-macam perhiasan dan kesenian yang berbentuk keislaman.

***al-Ka'bah* menurut pandangan ahli seni:**


Sebagaimana yang telah saya katakan di awal makalah ini bahawa tentu banyak di antara orang-orang Islam yang mengetahui tentang Kaabah dari ayat-ayat Qur'an, dari hadith-hadith Nabi, dari buku-buku sejarah Islam dan juga dari buku-buku

cerita yang bercorak pengembaraan.

Ibnu Battutah di dalam pengembaraannya ke bumi Hijaz pada abad yang kedelapan Hijriah atau pada abad yang keempat belas Masihi, beliau pernah menggambarkan bahawa Kaabah atau Baitullah itu terletak di tengah-tengah *Masjid al-Harām* di kota Makkah al-Mukarramah, dan digambarkannya pula tentang segala sesuatu yang berada di sekelilingnya, seperti *Hajar al-Aswad*, *Hijr Ismā'īl*, Makam Ibrahim dan telaga Zamzam. Kemudian diterangkannya pula tentang kepentingan ibadah haji dan keindahan kelambu Kaabah yang bertekak dengan huruf-huruf air emas.

Ibnu Battutah selanjutnya menyebut bahawa orang-orang yang mengendalikannya perhiasan kelambu Kaabah pada masa itu ialah Sultan al-Nasir Muhammad bin Qalawun. Kelambu Kaabah itu diperbuat daripada kain hitam tebal yang ditekak dengan huruf-huruf Arab yang besar-besar diperbuat daripada benang emas yang berkilau-kilauan. Huruf-huruf besar itu ditulis dengan khat-khat yang cantik diambil daripada beberapa potong āyat-āyat Qur'an. Kemudian ia berkata pula: "Setelah kelambu itu itu dipasangkan pada keliling, lalu tepinya disingsingkan ke atas untuk menjaga daripada tangan-tangan manusia yang bergantungannya di sisinya".

Dengan sendirinya, jiwa sekalian kaum muslimin cinta kepada Kaabah dan menjadikannya lambang keagamaan mereka terutama dalam masa mengerjakan ibadah: selain dari Kaabah sendiri, setiap bangunan yang berada di sekeliling Kaabah juga mereka hiasi dengan berbagai-bagai perhiasan yang bercorak kesenian Islam. Lukisan yang paling terkenal di seluruh dunia Islam ialah sekeping lukisan tembikar yang diatur di atas lantai di dalam *Masjid al-Harām* pada zaman yang silam. Hingga sekarang lukisan tersebut masih ada tersimpan di Muzium Kesenian Islam di kota Kaherah Mesir. Di bawah lukisan itu ada didapati tanda tangan nama pelukis yang mengatur tembikar-tembikar lukisan itu mengikut cara-cara kesenian Islam yang tulen. Nama pelukis itu



Gambar lukisan Kota Suci Makkah yang mengandungi *Masjid al-Harām* dan Kaabah yang diperbuat daripada tembikar warna warni.

Gambar di atas dilukis pada tahun 1727 M oleh Muhammad al-Shami al-Dimashqi.

ialah "Muhammad al-Shami al-Dimashqi", dan tarikh ia mengatur lukisan itu ialah pada bulan Dhu al-Qa'idah 1139 Hijriah bersamaan dengan bulan Jun 1727 Masihi. Lukisan itu sungguh halus dan menarik, ia berbentuk empat persegi merupakan sehelai sejadah (tikar sembahyang) yang berukir-ukir warna warni mengandungi pemandangan *Ka'batullah al-Sharīfah* yang terletak di tengah-tengah *Masjid al-Harām*, di sekeliling Kaabah itu dilukis pula beberapa pemandangan yang lain seperti pintu Banī Shaybah, telaga Zamzam, makam Ibrahim mimbar *Masjid al-Harām*, *Mahfil Shafi'ī*, *Mahfil Malikī*, *Mahfil Hanbalī* dan *Mahfil*

Hanafi*. Dan di sebelah luar bangunan *Masjid al-Ḥarām* dilukis pula pemandangan-pemandangan *Bāb al-Ṣafā*, *Bāb al-Islām*, Masjid Ibrahim, *Jabal Qubays*, *Jabal Thūr*, *Jabal Nūr*, *Jabal 'Arafāt* dan pemandangan rumah-rumah tempat tinggal penduduk-penduduk Makkah di zaman itu mengikut khayalan yang diciptakan oleh otak pelukis itu sendiri. Selain dari itu tidak pula lupa si pelukis menggambarkan beberapa buah *Ibrīq* (cerek tanah) tempat mengisi air Zamzam dan pemandangan burung-burung merpati sedang bertenggek dengan amannya di atas menara-menara *Masjid al-Ḥarām* yang tinggi mengawan itu.

Kebanyakan dari para pelukis di zaman itu tidak begitu mementingkan atau tidak mengambil berat tentang peraturan letak sesuatu benda di dalam lukisan-lukisan yang mereka ciptakan. Kita dapat melihat dengan jelas jika kita memperhatikan dengan teliti akan gambar lukisan tembikar yang dilukis oleh Muhammad al-Shami al-Dimashqi: kedudukan Makam Ibrahim dalam lukisan itu tersangat jauh letaknya dari telaga Zamzam, padahal kedudukan yang sebenarnya adalah berhampiran di antara satu sama lain: begitu pula kedudukan *Mahfil* Hanbali dengan *Mahfil* Hanafi sangat berdekatan padahal kedudukan yang sebenar di antara keduanya adalah berjauhan. Begitu pula halnya dengan kedudukan *Jabal Qubays*; *Jabal Nūr*, *Jabal Thūr* dan *Jabal 'Arafāt* kelihatan dalam lukisan itu berbaris sejajar di antara satu sama lain, sedangkan kedudukan yang sebenarnya tidaklah begitu.

Kalau kita pernah melawat muzium kesenian Islam di kota Kaherah Mesir, di sana kita akan dapat melihat setengah daripada lukisan-lukisan yang menggambarkan pemandangan-pemandangan di dalam *Masjid al-Ḥarām* sangat bersalahan dengan pemandangan

yang sebenarnya. Seperti setengah-setengah lukisan yang menggambarkan Kaabah *al-Sharīfah* kita dapati pintu Kaabah dilukis rendah sama rata dengan tanah, padahal yang sebenarnya kedudukan pintu Kaabah itu tinggi kira-kira enam kaki dari tanah.

Di dalam perkara kedudukan sesuatu yang tidak betul letaknya di dalam lukisan-lukisan yang diciptakan oleh para pelukis di zaman silam al-Ghuzuli pernah mengatakan di dalam sebuah kitab karangannya yang bernama "*Maṭāli' al-Budūr*", bahawa ia pernah melihat sebuah lukisan Kaabah yang tergantung di atas mihrab Masjid Jamik di kota Damsyik, di sekeliling Kaabah itu didapati beberapa pemandangan tempat-tempat suci di negeri lain yang tidak ada kena mengena dengan Makkah al-Mukarramah.

Dalam cara melukis sesebuah lukisan yang berbentuk Islam di zaman itu kita dapat melihat dengan nyata bahawa setiap pelukis lebih mengutamakan pemandangan Kaabah dari pandangan-pandangan yang lain. Ini memang cukup jelas; kerana tempat Kaabah di dalam setiap lukisan mereka letak betul-betul di tengah-tengah *Masjid al-Ḥarām* sebagaimana tempatnya yang sebenar; tetapi segala pandangan lain yang berada di sekeliling Kaabah itu tidaklah mereka pentingkan sangat akan tempat kedudukannya yang sebenar, asal sahaja pandangan-pandangan itu ada tercatat di dalam lukisan itu sudah cukup.

Lukisan ibarat kisah:

Kalau kita perhatikan dengan perhatian yang halus, maka kita dapati bahawa setiap gambar dalam bentuk apa jua pun yang dilukis oleh para *artist* Islam di abad yang keempat belas, adalah merupakan lukisan

◦ *Mahfil*: Makam tempat masing-masing imam mazhab yang empat mendirikan sembahyang. Sebelum kerajaan Saudi memerintah

Makkah masing-masing mazhab mendirikan sembahyang di tempat-tempat yang telah ditentukan.

yang mengandungi kisah. Ertinya seseorang ahli seni lukis melihat sesebuah gambar lukisan di zaman itu, maka dengan mudah ia akan dapat mengikuti sejarah ringkas yang terkandung di dalam lukisan yang dihadapannya itu; sama juga seperti ia sedang membaca sebuah buku sejarah atau sebuah *diwan* syair yang menggambarkan sejarah sesuatu tempat dengan secara ringkas, umpamanya sebuah lukisan yang menggambarkan pemandangan *Masjid al-Ḥarām* dengan memakai latar belakang bukit-bukit dan rumah-rumah disekelilingnya. Di dalam masjid itu kelihatan pemandangan Kaabah dan berduyun-duyun manusia sedang mengerjakan tawaf di sekelilingnya. Manusia-manusia yang sedang tawaf mengelilingi Kaabah itu terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan warna kulit.

Maka lukisan itu sebenarnya adalah menceritakan suatu kisah persatuan kaum muslimin yang terikat di dalam suatu ikatan lambang perpaduan Islam yaitu *al-Ka'bah al-Sharīfah* yang terletak di tengah-tengah Kota Suci Makkah al-Mukarramah. Pada setiap tahun beratus ribu kaum muslimin datang dari seluruh pelusuk dunia menuju ke Makkah untuk menziarahi Kota Suci yang bersejarah itu sambil berhimpun di sekeliling Kaabah untuk menunaikan ibadah haji mereka. Di dalam ibadat haji itu tentulah ada mengandungi sebesar-besar hikmah iaitu mempersatu padukan jiwa dan cita-cita seluruh umat Islam supaya mematuhi perintah Allah dan menunaikan seruan suci yang telah dilaung-laungkan oleh Nabi Allah Ibrahim *'alayhi al-salām* dari sejak ratusan abad yang silam:

(Wa adhdhin fī al-nāsi bi al-ḥajji ya'tūka rijālan wa 'alā kulli dāmīrin ya'tūna min kulli fajji 'amīq, li yashhadū manāfi'alahum wa idhkurū isma Allāhi fī ayyāmin ma'lūmāt. 'Alā mā razaqanāhum³ min bahīmati al-an'ām, fa kulū minhā wa aṭ'imū al-bā'isa al-faqīr. Thumma lyaqdū tafatahum⁴ wa lyūfū nudhūrahum wa lyattawwafū bi al-bayti al-'atīq)

Ertinya: “Serulah olehmu wahai Ibrahim!, Akan manusia mengerjakan ibadah haji, nescaya mereka akan datang beramai-ramai kepada engkau dengan berjalan kaki dan menunggang kenderaan dari tiap-tiap negeri yang jauh; supaya mereka memperoleh beberapa manfaat dan menyebut-nyebut nama Allah pada hari-hari yang ditentukan, atas makanan yang telah dikurniakan Allah dari daging binatang. Makanlah daripadanya dan beri makanlah kepada orang fakir miskin daripada daging-daging itu, supaya mereka buangkan segala kekotorannya supaya mereka sempurnakan korbannya (nazarnya) dan supaya mereka tawaf (mengelilingi) Kaabah *al-Bayt al-'atīq*.

(dipetik dari majalah al-Hilal)

Kata-kata Hikmah

Apabila engkau inginkan kemuliaan, maka jauhilah kehinaan.

“al-Hakim”

* * *

Gantungkanlah tinggi-tinggi akan cita-citamu supaya tak lekas dapat dirosakkan orang; kerana cita-cita yang tinggi itulah punca kekuatan perjuangan zahir dan batin.

“Dr. Abu Hanifah”

* * *

Hawa nafsu itu jika bersandarkan kepada kekuasaan, mudah menimbulkan keganasan dan kebuasan.

“Haji Agus Salim”

* * *

Engkau disebut insan (manusia) bukan kerana tubuh kasarmu; tetapi kerana jiwa halusmu.

“Nabi Muhammad (S.A.W)”

³ Dalam teks Qalam bertulis: ‘*razaqanāhum*’ sedangkan ayat sebenarnya ialah ‘*razaqahum*’

⁴ Dalam teks Qalam bertulis: ‘*tafatahum*’ sedangkan ayat sebenarnya ialah ‘*tafathahum*’